

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATUK SAPAWI BIN AHMAD
WASALI
KAWASAN : SIPITANG
NO. SOALAN : 159

YB. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapa banyak syarikat produk halal sudah berdaftar dengan Halal Industry Development Corporation (HDC).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Setakat bulan Ogos 2014, syarikat-syarikat yang telah berdaftar dengan Halal Industry Development Corporation (HDC) berjumlah 1,316 buah syarikat di mana 598 buah syarikat sudah memiliki pensijilan Halal manakala 718 syarikat masih di peringkat mendapatkan pensijilan halal menerusi Program Mudahcara Pensijilan Halal dibawah anjuran HDC.

Kerajaan melalui HDC telah memperkenalkan Program Transformasi Perniagaan Halal atau HBT bermula tahun 2011. Program ini bertujuan meningkatkan daya saing dan jualan syarikat-syarikat Halal yang menyertainya. Antara aktiviti yang dikendalikan oleh HDC termasuklah aktiviti khidmat nasihat teknikal berkenaan pematuhan pensijilan antarabangsa, padanan perniagaan dengan syarikat-syarikat multinasional dan perkhidmatan fasilitasi bagi mendapatkan bantuan kewangan dari institusi-institusi kewangan.

Bermula dengan penyertaan dari hanya 149 syarikat pada tahun 2011, kini bilangan peserta HBT telah bertambah kepada 860 syarikat. Program ini telah berjaya membantu syarikat-syarikat Halal tersebut menjana jualan dengan jumlah melebihi RM1.51 bilion atau secara purata RM500 juta jualan setahun.